

AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 21
 RUANGAN : WANITA

BANJIR

Jabatan Kesihatan Kelantan pindah pesakit berisiko

[FOTO FARIS ZAINULDIN/BH]



Dr Ahmad Razin berbual bersama kakitangan perubatan ketika ditemui di SK Gua Tinggi di Rantau Panjang, semalam.

Rantau Panjang: Seramai 50 pesakit, termasuk 34 ibu mengandung dari kawasan berisiko banjir yang dijangka bersalin Disember ini, ditempatkan di hospital seluruh Kelantan.

Pengarah Kesihatan Kelantan, Datuk Dr Ahmad Razin Ahmad Mahir, berkata langkah itu diambil Jabatan Kesihatan negeri sebagai tindakan awal mengelak perkara tidak diingini.

Katanya, mereka ditempatkan di wad kerana dikhuatiri bersalin pada bila-bila masa.

"Daripada jumlah itu, 12 adalah pesakit buah pinggang yang memerlukan rawatan dialisis mengikut jadual dan empat ibu yang baru bersalin.

"Pesakit ini berada di kawasan berisiko banjir dan kita tidak mahu rawatan terhadap mereka terganggu sekiranya rumah dinaiki air.

"Mereka perlu dipindahkan ke hospital supaya boleh dipantau dan di-



Bagi memudahkan mangsa banjir mendapatkan rawatan, kami meletakkan pasukan perubatan di pusat pemindahan sementara"

Dr Ahmad Razin Ahmad Mahir,
 Pengarah Kesihatan Kelantan

beri rawatan sebaiknya.

Beri khidmat terbaik

"Kita akan terus memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat walaupun ditimpa bencana dan proses memindahkan mereka yang berisiko ini adalah bukti kami mengambil tahu kesihatan setiap pesakit," katanya ketika ditemui di Sekolah Kebangsaan (SK) Gua Tinggi di sini, semalam.

Dr Ahmad Razin berkata, langkah itu diambil kerana pihaknya berjajaga dan menjadikan kejadian banjir 2014 sebagai pengajaran.

"Pengalaman tiga tahun lalu banyak mesin hemodialisis rosak kerana ditenggelami air dan menjejaskan rawatan pesakit.

"Bagi memudahkan mangsa banjir mendapatkan rawatan, kami meletakkan pasukan perubatan di pusat pemindahan sementara yang mempunyai lebih 1,000 mangsa," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : SEMASA

Vaksin denggi Dengvaxia belum digunakan di Malaysia

KUALA LUMPUR - Vaksin untuk penyakit demam denggi, Dengvaxia belum pernah dipasarkan dan digunakan oleh mana-mana pusat perubatan di negara ini sama ada milik kerajaan atau swasta.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, vaksin tersebut juga tidak diluluskan sebagai sebahagian daripada program imunisasi kebangsaan oleh Kementerian Kesihatan.

Menurut beliau, walaupun Dengvaxia memberikan perlindungan berkesan bagi mereka yang pernah dijangkiti denggi tetapi mereka yang tidak pernah dijangkiti demam ini

lebih berisiko mendapat jangkitan sekiranya diberi vaksin tersebut.

"Gergasi farmaseutikal Perancis, Sanofi Pasteur mengumumkan bahawa vaksin denggi itu mungkin membawa kepada gejala lebih teruk kepada individu yang tidak pernah dijangkiti virus itu," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Dengvaxia dibangunkan oleh Pasteur, iaitu cawangan vaksin Sanofi yang merupakan sebuah syarikat farmaseutikal Perancis setelah melalui kajian kira-kira 20 tahun dengan kos 1.5 bilion Euro (RM7 bilion).

Dilaporkan seramai 733,713 kanak-kanak di Filipina telah menerima

Dengvaxia dan dianggarkan antara lapan hingga 10 peratus daripada mereka atau kira-kira 70,000 orang belum pernah dijangkiti denggi.

Kementerian Kesihatan sebelum ini memaklumkan bahawa pihaknya masih menimbangkan beberapa faktor sebelum menggunakan vaksin Dengvaxia bagi mengurangkan kes demam denggi yang semakin meningkat di seluruh negara.

INILAH vaksin denggi Dengvaxia yang dibangunkan oleh syarikat farmaseutikal Perancis yang penggunaannya kini digantung di Filipina.



AKHBAR : MALAY MAIL

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : TOP NEWS

HIV cases down 42 per cent

PUTRAJAYA — The Health Ministry recorded 95,470 cases of HIV in the country from 1986 to last September, with the number of new cases showing a decrease of 42 per cent, from 830 in 2006 to 3,397 last year.

This year, 3,014 new cases were reported until September.

Minister Datuk Seri Dr S. Subramaniam said Malaysia showed progress in combating HIV/AIDS since it was detected in the country 31 years ago, and new cases and AIDS-related deaths show a downward trend.

In a message in conjunction with the World AIDS Day 2017, he said the death toll from AIDS dropped by 31 per cent — 911 cases in 2016 compared to 1,321 in 2006.

"I believe with leadership, commitment and cooperation of various parties and the role of society, Malaysia will be able to stem the spread of HIV/AIDS and ultimately put an end the scourge by 2030," he said in a statement.

Dr Subramaniam advised the public, especially those at risk, to undergo HIV screening and know the extent of infection to enable early treatment.


This year, Malaysia celebrated World AIDS Day with the theme "Right to Health, Take Treatment, End AIDS".

World AIDS Day is observed on Dec 1 of each year to create public awareness about the symptoms, causes of the pandemic disease and preventive measures as well as treatment towards ending the disease by 2030.

In conjunction with World AIDS Day, a local documentary film *At Rainbow's End* is being screened at 10 Golden Screen Cinemas in nine states.

At Rainbow's End is a story of hope, love, and forgiveness; a tearful yet joyous journey of discovery.

It is a realistic and truthful story that aims to educate viewers and



Children light candles during an awareness campaign on the occasion of World AIDS Day in Kolkata, India, on Friday. — Picture by Reuters

help remove the stigma around HIV, while championing the values of what it means to be family.

It depicts a true story of Tan Mie Kong, a man living with HIV who lost contact with his family 12 years ago, after he contracted the virus from unsafe drug use.

"It's a film which touches on family, redemption, and endurance of the human spirit," Golden Screens Cinemas chief executive officer Koh Mei Lee said.

"The story of Tan Mie Kong challenges the stigma, stereotypes and prejudices often associated with people living with HIV.


Commenting on Fiery Films (M) Sdn Bhd production, Malaysian AIDS Foundation chairman Prof

Datuk Dr Adeeba Kamarulzaman said Mie Kong was a living proof that being HIV-positive is not a death sentence.

"With compassion and treatment, care and support such as services provided by Positive Living Community, people living with HIV can lead productive, meaningful, dignified lives," the chairman said.

Malaysian AIDS Council president Bakhtiar Talhah lauded Mie Kong for his courage to live and tell his story.

"We hope his story will help us in our ongoing effort to end the stigma and discrimination we show towards people living with HIV, and inspire the 90,000 other Malaysians living with HIV to get treated and live fully."



AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 22
 RUANGAN : WANITA

KESIHATAN

Dengvaxia belum dapat kelulusan kementerian

Putrajaya: Kementerian Kesihatan mengesahkan vaksin denggi, *Dengvaxia* belum dipasarkan atau digunakan di mana-mana kemudahan kesihatan sama ada sektor awam atau swasta di negara ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata produk itu tidak diluluskan sebagai antara program imunisasi kebangsaan oleh Kementerian Kesihatan.

Sehingga kini, katanya, tiada individu menggunakan produk *Dengvaxia* dan tiada program khas diadakan bagi produk berkenaan di Malaysia.

Beliau berkata, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam turut menyatakan ketegasan Malaysia dalam menangani isu berkenaan.

Beri kelulusan bersyarat

"Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) Malaysia hanya memberi kelulusan pendaftaran bersyarat se-



Kelulusan penggunaan diberi hanya untuk kajian klinikal fasa 4"

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

lama dua tahun pada 25 November tahun lalu kepada produk *Dengvaxia* keluaran syarikat Sanofi Pasteur.

Dapatkan lebih maklumat

"Kelulusan penggunaan diberi hanya untuk kajian klinikal fasa empat iaitu kajian pasca pendaftaran bertujuan mendapatkan lebih banyak maklumat berhubung keselamatan produk terbabit.

"Syarikat perlu memenuhi tujuh syarat ditetapkan sebelum produk boleh dibawa masuk ke negara ini," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kajian klinikal jangka panjang selama enam tahun mendapati walaupun vaksin *Dengvaxia* memberi perlindungan berkesan terhadap jangkitan denggi berulang bagi mereka yang pernah dijangkiti, ia turut mempunyai kesan jangka panjang bagi pesakit yang tidak pernah meng-

hidap denggi.

Katanya, kajian mendapati mereka yang tidak pernah dijangkiti denggi mempunyai risiko tinggi mendapat jangkitan lebih serius jika diberi vaksin *Dengvaxia*.

"Kenyataan ini dimuat naik di laman rasmi syarikat Sanofi Pasteur dan kita mengambil maklum keputusan pengantungan produk *Dengvaxia* susulan kenyataan itu," katanya.

Prosedur kelulusan ketat

Beliau berkata, PBKD mementingkan keselamatan pengguna dan amat berhati-hati dalam meluluskan pendaftaran produk dan menilai sesuatu produk oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara.

Katanya, ia bagi memastikan setiap produk yang didaftar memenuhi piawaian dan garis panduan ditetapkan bagi memastikan ia berkualiti, selamat serta berkesan.



Kajian mendapati *Dengvaxia* memberi kesan jangka panjang bagi pesakit yang tidak pernah menghidap denggi.

AKHBAR : MINGGU MALAYSIA

MUKA SURAT : 37

RUANGAN : PELBAGAI

Tangani stres demi kejayaan TN50

Oleh DR. ZAFIR KHAN MOHAMED MAKHBUL

Di sana sini, semua orang bercakap tentang stres. Di pejabat, di restoran kopitiam, di rumah atau di sekolah, semua orang telah terlalu biasa dengan perkataan stres. Daripada anak kecil hinggalah kepada warga emas, semuanya tidak terkecuali daripada mengalaminya. Pelbagai faktor dikaitkan dengan kejadian stres.

Bayi dan anak kecil berasa stres bila ditinggalkan bersama pembantu rumah atau di pusat asuhan semasa ibu bapanya bekerja. Anak-anak sekolah stres dengan kehidupannya sebagai pelajar.


Pelbagai perkara perlu digapai iaitu cemerlang dalam akademik, cemerlang dalam ko-kurikulum, cemerlang sahsiah dan lain-lain. Mereka juga perlu memenangi hati rakan-rakan agar diri diterima oleh rakan sebaya.

Graduan universiti dan kolej stres memikirkan kehidupan masa hadapan selepas tamat pengajian. Mereka masih tidak pasti sama ada peluang pekerjaan wujud di luar sana atau tidak.

Pekerja pula berasa stres dengan petunjuk prestasi yang perlu dipenuhi, suasana politik pejabat yang tidak sihat, atau kerjaya yang tidak berkembang. Usahawan stres dengan kos pengeluaran yang semakin meningkat dan permagaan yang tidak menguntungkan serta terpaksa bersaing dengan perniagaan lain.

Surirumah juga stres memikirkan kos sara hidup yang semakin meningkat. Bagi golongan pesara, mereka stres memikirkan kedudukan kewangan yang semakin menyusut atau tahap kesihatan yang semakin membimbangkan.

Kesimpulannya, semua orang stres dan penyebabnya adalah pelbagai. Di sana sini juga pelbagai peristiwa menaakutkan dan keganasan berlaku.



Kunci kepada kesihatan mental adalah menangani stres secara berkesan. Inilah cabaran yang perlu kita sedari dan hadapi dalam memastikan kejayaan TN50. Meningkatkan keupayaan mental dan mempelajari strategi daya tindak terhadap stres boleh memberi jalan penyelesaiannya. TN50 yang menggariskan kesejahteraan rakyat pasti dapat dicapai apabila isu stres dapat diminimumkan. Semua pihak, bermula daripada rakyat di akar umbi sehinggalah kepada kepimpinan tertinggi negara berperanan penting untuk mengekang masalah stres.

Anak membunuh ibu kandung sendiri, ayah menyembelih anak, orang tidak dikenali mengamuk di jalanan, remaja mendakwa dirinya diculik, pelajar membuli serta mencederakan guru dan rakan sekolah, dan pelbagai lagi kejadian.

Mengapakah keganasan sebegini berlaku? Adakah mereka sudah tidak waras? Ada antaranya mendakwa sentiasa terdengar suatu suara mengarahkan dia membunuh, ada pula yang rasa tertekan kerana kurang mendapat perhatian.

Yang lain pula mengganas untuk membalas dendam, atau ada yang

membenci orang lain tanpa sebab. Kesemua keganasan ini mempunyai kaitan dengan stres dan kesihatan mental yang amat dibimbangi dalam menuju Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Keupayaan menangani stres dalam kalangan rakyat akan menunjukkan kejayaan pencapaian TN50. Stres berlaku apabila keperluan atau kehendak kita tidak dapat dipenuhi oleh keupayaan terhad yang kita miliki.

Ja boleh berlaku kepada sesiapa sahaja tanpa mengira umur, jantina atau latar belakang. Jika dibiarkan dan tidak diatasi

oleh penghidapnya, ia boleh menyebabkan masalah yang lebih besar seperti kemurungan.

Rakyat Malaysia tidak terkecuali daripada mengalami gangguan kesihatan mental seperti stres. Dalam satu perbandingan yang dibuat ke atas dapatan kajian kesihatan dan morbiditi kebangsaan tahun 1996, 2006 dan 2015 didapati statistik bagi kes gangguan kesihatan mental di Malaysia sentiasa meningkat.

Pada tahun 1996, kajian mendapati hanya terdapat

10.7 peratus kes gangguan kesihatan mental di Malaysia. Pada tahun 2005, ia meningkat sedikit kepada 11.2 peratus. Peningkatan mendadak sebanyak dua kali ganda telah berlaku pada tahun 2015 dengan peratusan kes sebanyak 29.2 peratus.

Daripada angka ini, kita tidak boleh menafikan bahawa sememangnya rakyat Malaysia berhadapan dengan masalah kesihatan mental seperti stres yang teruk. Inilah realiti yang membimbangkan dan patut ditakuti oleh semua pihak dalam menuju TN50.

TN50 yang menasaskan dalam tempoh 30 tahun akan datang Malaysia mencapai kedudukan 20 teratas dalam ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi. Persoalannya, mampukah kita mencapai gagasan yang digariskan dalam TN50 jika stres yang boleh menjejaskan kesihatan mental semakin meruncing?

Setiap rakyat Malaysia bukan sahaja perlu sihat dari segi fizikal malah dari segi mental untuk menjadikan dirinya seorang individu sihat secara holistik.

Kunci kepada kesihatan mental adalah menangani stres secara berkesan. Inilah cabaran yang perlu kita sedari dan hadapi dalam memastikan kejayaan TN50. Meningkatkan keupayaan mental dan mempelajari strategi daya tindak terhadap stres boleh memberi jalan penyelesaiannya.

TN50 yang menggariskan kesejahteraan rakyat pasti dapat dicapai apabila isu stres dapat diminimumkan. Semua pihak, bermula daripada rakyat di akar umbi sehinggalah kepada kepimpinan tertinggi negara berperanan penting untuk mengekang masalah stres daripada menjadi bertambah parah dan seterusnya menghalang kejayaan hasrat TN50 yang amat murni.

■ PENULIS ialah pensyarah di Sekolah Pengurusan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).